

24/05/2003

Saya tidak mahu bina dinasti: Dr Mahathir

Norbakti Alias; Tuan Nazuri Tuan Ismail

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjanji tidak akan membenarkan anaknya bertanding pada pilihan raya umum akan datang kerana tidak mahu dianggap membina dinasti dalam politik negara.

Sambil menegaskan beliau tetap akan meletakkan jawatan dalam kerajaan dan parti pada Oktober ini, Perdana Menteri yang juga Ketua Umno Bahagian

Kubang Pasu, berkata:

"Saya beri jaminan tidak akan ada ahli keluarga saya bertanding di sini

(Kubang Pasu) atau mana-mana tempat... ini janji saya.

"Saya tidak berhajat mewujudkan dinasti atau keturunan kerana negara ini

adalah negara demokrasi. Ini bagi memberi peluang kepada orang lain untuk

bertanding."

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno membuat janji itu ketika menggulung

perbahasan pada persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di Dewan

Wawasan di sini, semalam.

Perdana Menteri juga menjelaskan beliau tidak tahu siapa akan menggantikannya menjadi calon bagi Parlimen Kubang Pasu, tetapi berharap pengundi di kawasan itu akan menyokong penuh sesiapa saja yang dipilih.

"(Tapi) jangan pilih Pas kerana apa yang kita ada sekarang akan hilang,"

katanya yang tetap mahu berundur walaupun bahagian itu sebulat suara meluluskan usul memintanya menimbang semula hasrat untuk bersara.

Dr Mahathir juga berkata, semua orang sudah tahu beliau akan meletakkan

jawatan akhir tahun ini dan beliau tidak akan menarik balik keputusan berkenaan.

"Sebenarnya, saya mahu meletakkan jawatan pada masa itu juga (Perhimpunan Agung Umno Jun tahun lalu), tetapi atas desakan terutama Pak

Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) yang akan mengambil tempat saya, saya setuju teruskan hingga Oktober ini... ini janji saya.

"Saya percaya kalau mungkir janji, maka kepemimpinan saya tidak akan berkesan lagi. Orang akan kata ini adalah sandiwara Dr Mahathir, orang akan ketawakan saya dan Umno. Kalau saya buat keputusan, saya akan pegang,

iaitu akan letak jawatan Oktober ini.

"Ini tidak menjadi masalah kerana Pak Lah yang akan ambil alih, ada kemahiran, malah ramai pemimpin muda akan muncul untuk melaksanakan pembangunan yang gagal dilaksanakan pemimpin sekarang," katanya.

Pada mesyuarat itu, Perdana Menteri juga mengundi untuk menolak cadangan

jawatankuasa bahagian menaikkan yuran tahunan ahli daripada RM1 kepada RM2

setahun dan keahlian seumur hidup daripada RM100 kepada RM200.

Beliau adalah ahli jawatankuasa tunggal atas pentas yang berbuat demikian selepas berlaku ketegangan di kalangan perwakilan.

Bagaimanapun, selepas undian dengan cara mengangkat tangan dilakukan, pihak yang menyokong usul itu menang dengan undi 153 berbanding 139 selepas undian kali kedua.